

Presiden Azerbaijan puji ucaptama Dr Mahathir

Baku (Azerbaijan): Presiden Azerbaijan, Ilham Aliyev memuji ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) Ke-18 di sini, Jumaat lalu.

"Ucaptama anda semalam (Jumaat) adalah sangat hebat, ia visi yang berpandangan ke hadapan, pendekatan terbuka terhadap isu penting dan anda sentiasa mempertahankan keadilan," kata Presiden itu kepada Dr Mahathir ketika pertemuan mereka di Istana Presiden, di sini, kelmarin.

Dalam kunjungan hormat Dr Mahathir ke atas Presiden berkenaan, Ilham berkata, Perdana Menteri berusia 94 tahun itu adalah di sebalik transformasi Malaysia yang mengagumkan dan Azerbaijan berharap dapat berkongsi pengalaman Dr Mahathir.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan hubungan dua



Dr Mahathir bersama Aliyev berbincang pada kunjungan hormat Perdana Menteri di Istana Presiden di Baku, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

hala Malaysia-Azerbaijan dengan bersetuju memperkukuhkan kerjasama khusus dalam sektor tenaga dan pelancongan.

Selepas pertemuan selama 20 minit itu, Dr Mahathir memberi

tau media Malaysia, bahawa beliau berharap Azerbaijan, selaku pengerusi baharu NAM, dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan memastikan badan itu bersatu dan relevan dalam era

Perang Dingin.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa mengekalkan dasar mesra terhadap setiap negara.

Mengenai hubungan dua hala dengan Azerbaijan, Perdana Men-

teri berkata, Malaysia berharap dapat mengembangkan kerjasama dan sektor perdagangan dan pelancongan dengan negara berkenaan.

"Tidak banyak rakyat Malaysia yang tahu mengenai Azerbaijan walaupun ada sebilangan yang tahu Baku kerana tapak sejarahnya.

"Ada beberapa rakyat Malaysia yang tinggal di sini dan sudah tentu kita ada PETRONAS di sini," katanya.

Selepas kedua-dua negara menjalinkan hubungan diplomatik pada 5 April, 1993, Azerbaijan membuka kedutaannya di Kuala Lumpur pada Jun 2007, manakala Kedutaan Malaysia di Baku dibuka pada 1 April, 2014.

Susulan pembukaan Kedutaan Malaysia di sini, PETRONAS memulakan operasi di sini pada 2015 dan sehingga kini pelaburannya di negara itu dianggarkan bernilai AS\$5 bilion (RM20.93 bilion).
BERNAMA